



## SIARAN AKHBAR

### PENGEMASKINIAN ALERT LIST BDCB

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.
2. Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang, berdasarkan maklumat yang tersedia kepada BDCB pada masa penerbitan, mungkin atau berkemungkinan telah disalah anggap sebagai dilesenkan atau diberi kebenaran/kelulusan atau dikawalselia oleh BDCB. Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.
3. BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB adalah seperti berikut:
  - a) Brunei Investment Agency (FB profile) [menyalahgunakan nama Brunei Investment Agency]
  - b) Easy Loan Brunei Darussalam
  - c) Elite FX New (IG profile)
  - d) FSEX
  - e) Hsb\_pro\_bn [IG profile] / HSB\_TRADE\_PRO / 7266570
  - f) Loan Brunei (FB profile)
  - g) Loan Syariah Brunei (FB profile) / Loan Syariah Online Brunei Trusted / Loan Syariah Online Brunei Darussalam / Personal Loan Online of Brunei Darussalam / Personal Loan Syariah (FB profile)
  - h) Raibot Look Easy / Brunei Investment Company Limited
  - i) Reno Loan Bn (FB profile) / 8253001
  - j) Smart Investor / Smart Investor BN
  - k) Syarikat Using Loan / 8783142 / 7260142 / 7261284 / 8947723
  - l) Technical Center Trade
  - m) Urgen Loan Brunei (FB profile) / Personal Fast Loan Syariah Brunei / 7254098
4. Alert List BDCB yang telah dikemaskinikan boleh didapati di laman web BDCB.
5. BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan, terutamanya yang berunsurkan skim cepat kaya dan skim piramid. Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah kuasa BDCB adalah penukaran wang, pengiriman wang dan pinjaman wang. Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawalselia.

6. Orang ramai juga boleh melayari laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn) atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti penipuan kewangan.
7. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam. Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti yang tidak berlesen, sila hubungi BDCB melalui talian 2380007 atau 8380007 atau emel melalui [fci@bdcb.gov.bn](mailto:fci@bdcb.gov.bn).

**Brunei Darussalam Central Bank**

Date: 9 Ramadhan 1445H / 20 March 2024M

Reference: BDCB/COMMS/3